

KERATAN AKHBAR

**JUDUL : TEATER SUNGAI MENGALIR LESU KARYA AGUNG A SAMAD SAID TARIKH : 4 OKTOBER 2025
SAID CERMINAN SUARA HATI MASYARAT**

SITASI :

M/S :

Webmaster, A. (2025, October 4). Teater Sungai Mengalir Lesu karya agung A Samad Said cerminan suara hati masyarakat – PM. *Buletin TV3*. <https://www.buletintv3.my/nasional/teater-sungai-mengalir-lesu-karya-agung-a-samad-said-cerminan-suara-hati-masyarakat-pm/>

Teater Sungai Mengalir Lesu karya agung A Samad Said cerminan suara hati masyarakat – PM

04 Oktober 2025, 9:56am



Anwar (tengah) berucap selepas menyaksikan pementasan Teater Perdana Sungai Mengalir Lesu di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), malam tadi.

Oleh: Nurhanim Osman

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan pementasan teater 'Sungai Mengalir Lesu' (SML) bukan sahaja menghiburkan, tetapi turut menyentuh hati dengan mesej yang jelas mengenai penderitaan dan keresahan masyarakat.

Menurut beliau, karya agung Sasterawan Negara, Datuk Seri Dr Abdul Samad Mohamed Said atau A. Samad Said itu mempunyai kekuatan tersendiri dalam menyampaikan suara hati rakyat, termasuk kelompok yang terpinggir dan tersisih.

"Ini karya besar seorang sasterawan yang kita hormati dan sanjung. A. Samad Said begitu kreatif mengungkap duka lara masyarakat hingga mampu menyentuh hati nurani.

"Saya sendiri terkesan dengan pementasan malam ini, malah saya kira ia lebih baik berbanding persembahan sebelum ini," katanya ketika berucap selepas menyaksikan pementasan Teater

Perdana Sungai Mengalir Lesu di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, malam tadi.

Anwar berkata, mesej yang dibawa dalam karya itu memberi pengajaran penting bahawa pemimpin tidak boleh terpisah daripada realiti hidup rakyat.

“Dalam tanggungjawab pemerintahan, kita mesti cuba menyelami dan merasai keresahan kelompok yang masih terpinggir dalam masyarakat,” katanya.

Anwar turut menyifatkan pementasan itu sangat relevan dengan tema yang merentasi sempadan, dari kisah masyarakat di Singapura sehingga ke Gaza.

Turut hadir menyaksikan persembahan ialah Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; A. Samad Said; dan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad.

Teater arahan Aris Othman yang diadaptasi dari novel asal Allahyarham Zakaria Ariffin itu berlangsung dari 1 hingga 4 Oktober, jam 8 malam di Auditorium DBP.

Pementasan itu adalah inisiatif Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama DBP serta Persatuan Badan Budaya DBP.

SML diterbitkan pada tahun 1967, mengangkat latar belakang masyarakat berbilang kaum semasa Perang Dunia Kedua.

Ia menonjolkan semangat perpaduan, toleransi, dan ketabahan rakyat dalam menghadapi cabaran peperangan.